



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PELARASAN GAJI MINIMUM RM1,700 SEBULAN: BERKUAT KUASA SEPENUHNYA MULAI 1 OGOS 2025

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan sepenuhnya Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 sebanyak RM1,700 sebulan akan berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2025 kepada semua majikan di seluruh negara, tanpa mengira bilangan pekerja yang digajikan. Kadar baharu ini telah diumumkan dalam Belanjawan 2025 dan mula dilaksanakan pada **1 Februari 2025** bagi majikan yang mempunyai lima (5) orang pekerja dan ke atas serta bagi majikan yang menjalankan aktiviti profesional seperti diklasifikasikan di bawah *Malaysia Standard Classification of Occupations* (MASCO) 2020.

Bagi majikan yang menggajikan kurang daripada lima (5) pekerja, satu tempoh penangguhan pelaksanaan selama enam (6) bulan telah diberikan dan akan tamat pada 31 Julai 2025. Ini bermakna, **bermula 1 Ogos 2025**, semua majikan tanpa pengecualian, termasuk mereka yang sebelum ini menikmati tempoh penangguhan, perlu mematuhi perintah gaji minimum sebanyak RM1,700 sebulan. Ini termasuk untuk **pekerja bukan warganegara dan pekerja kontrak perantisan**, namun tidak terpakai kepada pekhidmat domestik. Semua majikan diwajibkan mematuhi kadar minimum ini bagi memastikan hak pekerja dilindungi selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa.

Sehubungan itu, semua majikan perlu menyemak semula struktur gaji syarikat bagi memastikan tiada pekerja menerima gaji pokok di bawah kadar minimum yang ditetapkan. Selain itu, majikan juga perlu membuat penyesuaian operasi secara progresif dengan memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti dan pelaburan dalam latihan kemahiran pekerja.

KESUMA ingin mengingatkan bahawa kegagalan mematuhi Perintah Gaji Minimum merupakan satu kesalahan di bawah, **Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 [Akta 732]**. Sekiranya disabitkan kesalahan, majikan boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 bagi setiap pekerja, denda tambahan sebanyak RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan, dan bagi kesalahan berulang, denda maksimum boleh mencecah RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima (5) tahun.

KESUMA turut menggalakkan majikan untuk memanfaatkan Dasar Gaji Progresif (DGP) yang bersifat sukarela dan bertindak sebagai pelengkap kepada pelaksanaan gaji minimum. Melalui DGP, majikan berpeluang meningkatkan pendapatan pekerja berdasarkan produktiviti, kemahiran dan sumbangan kerja, sambil menikmati insentif tunai bersasar daripada kerajaan. Ini bukan sahaja membantu syarikat mengekalkan pekerja berkemahiran tinggi, malah turut mengukuhkan daya saing jangka panjang dalam pasaran buruh yang semakin mencabar.

Sebarang pertanyaan atau aduan mengenai pelaksanaan Perintah Gaji Minimum boleh dikemukakan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di seluruh negara atau melalui laman rasmi Kementerian Sumber Manusia. Untuk maklumat lanjut mengenai pelaksanaan gaji minimum, sila layari **www.minimumwages.mohr.gov.my**. Manakala bagi memahami potensi dan penyertaan dalam Dasar Gaji Progresif, majikan boleh melayari **www.gajiprogresif.gov.my**.

Kerajaan MADANI kekal komited untuk memastikan kebajikan pekerja terpelihara sejajar dengan pengukuhan ekosistem pekerjaan negara melalui dasar yang inklusif dan mampan.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
22 JULAI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	